

Jumaat, 5 Jun 2020 | 1:27pm



ISMAIL Sabri. (Foto/Bernama)

Premis perniagaan diberi nasihat, amaran ingkar SOP

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 145 premis perniagaan diberi nasihat dan sembilan premis lagi diberi amaran kerana tidak patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan 2,005 pemeriksaan khas Pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Pemeriksaan KPDNHEP mendapati 1,851 premis mematuhi SOP ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata, orang ramai tidak perlu bimbang kerana barang keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperoleh.

- "Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga membuat pemantauan di peringkat pengeluar makanan dan memberi jaminan bekalan barang keperluan mencukupi.
- "Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan sepanjang musim perayaan kerana ia dijamin mencukupi," katanya.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/696608/premis-perniagaan-diberi-nasihat-amaran-ingkar-sop>

